# PELITA BRUNEI

**AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI**

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 22 BILANGAN 6 | RABU 9HB. FEBRUARI, 1977. | رابو 19 صفر 1397 | PERCHUMA




Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi, Awang Selamat bin Munap sedang memberikan taklimat pada hari Rabu minggu lalu.

# HUBONGAN DAGANG DUA HALA ANTARA BRUNEI-SINGAPURA DI-UJUDKAN

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Faedah bersama dari Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun ada-lah tergantong kapada kerjasama yang erat di-antara pehak2 peniaga Brunei dan Singapura.**

**Untok itu pehak2 peniaga Brunei dan Singapura perlu-lah berpakat dalam meyakinkan bahawa harga barang2 akan boleh di-beli dengan harga murah oleh pembeli2.**

Demikian telah di-nyatakan oleh Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi, Awang Selamat bin Munap dalam satu taklimat kapada kira2 36 orang rombongan peniaga Singapura yang melawat negeri ini sa-lama tiga hari. Beliau telah menerangkan tentang ranchangan2 kemajuan yang meluas bagi mengukohkan perkembangan ekonomi negeri ini.

Rombongan muhibbah peniaga2 Singapura itu di-ketuai oleh Awang Ong Leng Chuan, Pengerusi Persatuan Pekilang Singapura yang telah tiba di-negeri ini awal bulan ini dan di-beri taklimat tersebut di-Dewan Kuliah Bangunan Peringatan Churchill di-sini pada pagi Rabu minggu lalu.

Awang Ong menyatakan bahawa maseh terdapat banyak sumber bahan mentah yang belum di-usahakan di-negeri ini dan untok itu Singapura, kata-nya, boleh menyediakan berbagai kemahiran bagi perusahaan penghasilan bersama.

Rombongan yang bertujuan untok meluaskan hubongan dagang antara dua hala itu merasa yakin bahawa sunggoh pun Brunei merupakan salah satu rakan dagang Singapura yang tertua, namun lawatan2 perdagangan harus juga di-adakan, kata Awang Ong sa-jurus sabelum berlepas ka-Brunei.

**Lihat muka 12**

## *15 achara temasha lumba perahu*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 15 achara perlumbaan akan di-adakan dalam temasha lumba perahu di-Sungai Brunei pada hari Ahad, 27hb Februari ini.

Temasha perlumbaan yang akan di-jalankan sa-lama sa-hari dan akan bermula pada pukol 8.30 pagi itu ada-lah di-adakan sa-bagai memperingati keberangkatan Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei pada 29hb Februari 1972 lalu.

Antara achara perlumbaan yang akan di-pertandingkan termasok-lah perlumbaan perahu 10 orang, 15 orang, 20 orang dan 30 orang serta perlumbaan motor sangkut yang menggunakan enjin 25 dan 40 kuasa kuda.

Perlumbaan perahu bagi orang2 kenamaan dan antara pejabat2 Kerajaan akan merupakan achara perlumbaan yang paling menarek dan ia-nya akan di-jalankan dalam beberapa siri perlumbaan.

Juga yang agak menarek ia-lah perlumbaan yang akan di-sertai oleh kampong2, persatuan2 belia, pejabat2, sekolah2 menengah dan maktab2, kelab2 dan sharikat2 perniagaan. Beberapa achara untok wanita juga akan di-adakan dalam perlumbaan itu.

Hadiah2 yang berupa wang tunai dan beberapa pilala rebutan akan di-pertandingkan dalam perlumbaan itu nanti. Semua permohonan untok menyertai perlumbaan itu telah pun di-buka dan ia-nya akan di-tutop pada hari ini, Rabu, 9 Februari.



Sa-bahagian dari pekayoh2 yang menyertai dalam perlumbaan perahu bahagian pejabat2 Kerajaan berhimpun untok mengambil nombor2.

## Korban Jalan Raya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang lagi telah terbunoh dalam satu kemalangan jalanraya di-batu 15 Jalan Tutong, Jumaat lepas.

Beliau ia-lah Pengiran Ahmad bin Pengiran Rajid telah meninggal dunia di-Rumah Sakit Besar di-sini sa-telah mendapat luka2 akibat kemalangan tersebut.

Tiga orang yang turut menumpang dengan beliau juga mendapat luka2 dan sa-orang dari-pada-nya di-dalam bahaya, sahingga Pelita Brunei di-chetak hari Isnin lepas. Mereka kesemua-nya sa-ramai lima orang dalam kereta itu termasok sa-orang budak, dalam perjalanan ka-Bandar Seri Begawan, apabila kemalangan itu berlaku.

Sa-jauh ini sa-ramai empat orang telah menjadi korban jalanraya kemalangan tahun ini.

Pada tahun 1976 sa-ramai 39 orang telah menjadi korban jalan raya berbanding dengn tahun 1975 sa-ramai 16 orang, ia-itu lebeh sa-paroh.

## Penghasilan Minyak dan Gas bertambah

**BANDAR SERI BEGAWAN.— Hasil pengeluaran minyak di-Brunei telah di-laporkan bertambah sa-banyak 12 peratus dalam tahun 1976 berbanding dengan pengeluaran tahun 1975.**

**Satu kenyataan yang di-keluarkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei menyatakan bahawa pengeluaran minyak mentah sa-tiap hari dalam hitong panjang ia-lah sabanyak 221,000 tong pada tahun 1976 ia-itu hampir melebehi 30 ribu tong dalam sa-hari dari pengeluaran yang di-hasilkan dalam tahun 1975.**

Bagaimana pun kenyataan itu menunjokkan lagi bahawa pengeluaran minyak dalam tahun 1975 ada-lah berkurangan dari hasil2 pengeluaran pada tahun2 sa-belum-nya di-sebabkan terdapat-nya kerosakan akibat kebakaran di-pelantar Champion Rig dalam tahun 1974.

Sementara itu satu perangkaan bagi pengekspotan gas chachair asli Brunei yang di-usahakan di-Lumut juga telah menampakkan suatu pertambahan pengeluaran dalam tahun 1976.

Ada-lah di-fahamkan sa-banyak 148 kargo telah di-kirimkan ka-Jepun dalam tahun 1976 berbanding dengan pengiriman kargo yang di-hasilkan dalam tahun 1975 yang berjumlah sa-banyak 106 sahaja.

Menurut laporan pengeluaran penghasilan minyak dan gas chachair asli untok penggal suku ketiga bagi tahun 1976 ia-itu dalam lima bulan yang lalu menampakkan pertambahan dalam kedua2 sumber itu.

Laporan penggal suku ketiga itu menunjokkan penghasilan minyak dalam tempoh tersebut telah meningkat kapada 227,312 tong sa-hari ia-itu bertambah sa-banyak lebeh dari 18,000 tong sa-hari. Dari pertambahan itu tiga buah telaga binyak di-kawasan laut sahaja menghasilkan sa-banyak 196,321 tong sa-hari dan yang lain-nya di-hasilkan oleh telaga di-darat.

Manakala ekspot gas chachair asli pula yang di-kirimkan ka-Jepun dalam tempoh yang sama telah meningkat dari 32 ka-35 pengangkutan kargo di-lakukan.

## Peratus lulus merosot

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 85 orang chalun dari sekolah2 menengah Kerajaan yang mendudoki Pepekesaan Sijil 'Am Pelajaran Singapura/Cambridge tahun 1976 dalam aliran Melayu telah lulus dari jumlah yang mendudoki-nya sa-ramai 514 orang.

Peratus kelulusan yang di-chapai hanya sa-banyak 16.54 peratus berbanding dengan peratus yang lulus dalam tahun 1975 ia-itu 13.18 peratus.

Manakala chalun2 persendirian pula chuma 7.05 peratus yang lulus ia-itu 44 orang chalun dari jumlah yang mendudoki sa-ramai 624 orang. Peratus yang lulus dalam tahun 1975 hanya 4.15%.

PELITA BRUNEI

9HB. FEBRUARI, 1977

# TIGA KURSUS BARU

BAHAGIAN Pelajaran Dewasa mengumumkan bahawa tiga kursus baru akan di-laksanakan pada tahun ini dalam usaha-nya untok menambah dan meluaskan berbagai bidang pelajaran yang sesuai mengikut kehendak masharakat dan pembangunan negara. Tiga jenis kursus yang akan di-adakan itu ia-lah ternakan dan pertanian, letrik dan pengurusan rumahtangga.

Sa-jauh ini, Ranchangan Pelajaran Dewasa telah dapat menampong keperluan2 pengetahuan masharakat dan yang paling memberikan kesan yang menggalakkan ia-lah dalam projek memberikan bimbingan terus-menerus kapada pelajar2 yang terkandas untok memasoki bidang2 pelajaran yang memberikan pengetahuan dalam bidang2 kejuruan. Lebeh ramai pelajar2 yang tidak dapat meneruskan pengajian dalam bidang ekademik dan demikian juga pelajar2 yang maseh mendudoki bangku sekolah amat tertarek kapada bidang2 kejuruan yang di-anjorkan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa itu.

Dari projek2 pelajaran dewasa itu, negara kita hari ini mempunyai amat ramai pemuda2 dan pemudi2 yang mempunyai pengetahuan dalam kejuruan bidang kerjaya menaip dan trengkas ia-itu satu jurusan yang dulu-nya terpaksa di-buat oleh orang2 luar yang di-tawarkan bekerja sa-chara berkontrek. Lapangan ini tidak hanya dalam Kerajaan bahkan di-gunakan juga oleh Sharikat2 Perniagaan di-negeri ini. Di-sebabkan kekurangan tenaga kerjaya sa-umpama itu kita terpaksa memasokkan orang2 luar. Akan tetapi, pada hari ini tenaga2 tersebut sudah juntrah di-kuasai oleh orang2 kita dan keadaan ini telah dapat mengatasi masaalah pergantongan negara kita terhadap tenaga2 luar itu. Ini-lah antara beberapa tanda yang patut memberikan kesedaran kapada kita seluroh-nya, terutama bila kita memperkatakan tentang tenaga2 luar yang berkhidmat di-negara kita ini. Kita harus menyedari hakikat kekurangan kita itu dan memandang kapada keadaan kita itu, maka ada-lah perlu bagi kita seluroh-nya lebeh banyak menanamkan semangat untok berusaha bagi mengatasi masaalah2 saperti itu dengan melengkapkan pengetahuan2 kita dalam bidang2 yang maseh di-tangan orang2 luar yang sering di-perkatakan itu. Semangat kita harus di-lipat-gandakan ka-arah bertindak membekalkan ilmu kapada jenerasi kita daripada kita menyumbang-nyumbang tanpa mempunyai matalamat yang boleh mengesankan apa yang kita sumbang-sumbang itu.

Negara kita semakin ramai mempunyai belia2 dan beliawanis2 yang tenaga mereka sangat perlu di-pergunakan untok pembangunan bangsa dan negara. Keadaan negara kita juga tidak "tanan-tahan" bahkan ada-lah nyata bahawa perkembangan demi perkembangan timbul menchabar keupayaan kita selaku raayat. Kehidupan kita juga pasti akan mengalami perubahan demi perubahan yang memaksa kita supaya tidak hidup kaku dan menyerah-kalah kapada keadaan yang menchabar itu. Justeru itu, perlu bagi kita membuat usaha yang berkesan untok memperbaiki keadaan kita sendiri dan semangat bersedia melibatkan diri dalam apa jua bidang hendak-lah di-sebatikan dengan jiwa kita. Jika kita kalah menghadapi chabaran2 itu, maka bermaana kita sendiri bakal menghadapi suatu keadaan yang akan merunsingkan diri kita dan jenerasi kita yang akan datang. Dari sekarang kita harus berazam untok tidak melepaskan peluang2 yang sedang terbuka, kerana fungsi-nya adalah untok melayakkan diri kita pada menerajukan dalam semua sudut perkembangan negara kita ini saperti kata orang tua2 "kitani jua bergambus, kitani jua bahanding dan kitani jua mengalaikan" dan jangan biarkan orang lain turut2an. Untok itu kita hendak-lah harus terlebeh dahulu tahu bagaimana memetik tali-gambus, bagaimana mengalunkan anding dan bagaimana melangkahkan tarian-nya. Semua itu hendak-lah di-buat dengan betul dan jangan jua "belabih-labih".

Maka demikian-lah hal-nya dengan tiga jenis kursus yang di-adakan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa itu. Sudah barang tentu ia-nya di-adakan untok membekalkan kapada raayat pengetahuan kejuruan dengan harapan supaya raayat akan dapat melaksanakan usaha2 yang pada masa ini maseh banyak benar yang belum di-masoki oleh orang2 kitani saperti dalam usaha-niaga dan pemasangan alat2 letrik dan usaha-niaga serta melaksanakan perusahaan ternakan dan pertanian menurut sistem yang betul dan menguntongkan. Semua itu ada-lah berkehendakkan kegigihan dengan tidak mengenal "kelanguan".

ADIL LAILA BAHAGIA

# DARI DEWA[N]



Dari kiri : Yang Berhormat2 Pehin Amar Diraja; Dato Paduka Haji Othman, Awang Chong Seng Toh dan O.K. Lukan.

## "Mangga burok di-dalam bisai di-luar"

YANG Berhormat Pehin O.K. Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Hj Mohd Jamil Al-Sufri telah menyatakan dalam menggulong uchapan penanggohan-nya bahawa *Dasar Pelajaran 1972* itu tidak perlu lagi kapada perubahan kerana beliau mensifatkan-nya sudah terlambat.

Kata-nya, sa-belum itu telah pun di-lakukan terlebeh dahulu untok mendapatkan pandangan serta chadangan untok di-muat ka-dalam dasar tersebut.

Bagaimana pun, tambah beliau, hal ini boleh-lah dirundingkan jika ia-nya belum atau sudah terkandong dalam delapan dasar yang terdapat dalam dasar pelajaran itu. Dan Yang Berhormat itu menyakinkan kapada Dewan bahawa perlaksanaan dasar itu yang termuat dalam 111 muka akan di-jalankan sa-baik2 sahaja isi kandongan-nya itu menepati kehendak-nya.

Beliau juga mengingatkan kapada ahli Dewan bahawa perlaksanaan sesuatu perkara itu bukan-lah sa-terus-nya menchapai maksud dan ianya mahu-lah terlebeh dahulu kita sediakan asas2 keperluan-nya yang sa-tentu-nya akan mengambil masa. Hal ini, kata beliau, harus-lah di-sedari dan jangan kita sawenang2 mengibaratkan umpama "Mangga burok di-dalam bisai di-luar." Yang menjadi matalamat penting, ia-lah untok melateh raayat Brunei ini dengan latehan2 yang betul menepati kapada maksud-nya kerana mereka itu sa-terus-nya di-harapkan akan melateh bangsa-nya sendiri.

Mengenai dengan sekolah yang di-tutup, Yang Berhormat itu menegaskan bahawa penutupan itu ada-lah bergantong kapada bilangan penuntut-nya. Jika bilangan penuntut-nya itu tidak sampai kapada had yang sempurna; maka terpaksa-lah sekolah itu di-tutup dan tidak-lah munasabah di-hantar guru ka-sana jika penuntut-nya hanya dua atau tiga orang sahaja.

Beliau itu juga menjelaskan bahawa hampir keseluruhan tempat di-negeri ini sudah pun mempunyai sekolah dan beliau mengalu2kan supaya dapat di-hadapkan jika ada tempat lain yang perlu di-bangunkan sekolah.

---

YANG Berhormat Dato Paduka Awang Haji Otnman bin Bidin ketika beruchap mengenai dengan Undang2 Perbekalan Tambahan yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara, menimbulkan keraguan-nya mengenai sikap sa-tengah2 jabatan Kerajaan yang menurut-nya ketua2 jabatan2 itu kurang meneliti terhadap peruntokan jabatan masing2.

Beliau menambah kata, nampak-nya telah menjadi kelaziman bagi tiap2 jabatan apabila sahaja hampir kahujong tahun ada2 saja peruntokan yang tidak menchukopi, ada2 saja yang mahu di-beli.

Yang Berhormat itu lalu mengshorkan supaya peruntokan dalam sa-tahun itu hendak-lah di-ukor serta diteliti dengan sa-halus2-nya supaya permohonan untok menambah perbelanjaan itu akan dapat di-elakkan.

---

YANG Berhormat Awang Chong Seng Toh, ahli dari Pekan Tutong ketika menyokong Rang Undang2 Mahkamah Besar (Pindaan), 1976 menyatakan betapa perlunya Negeri Brunei mempunyai Mahkamah Besar dan undang2-nya sendiri yang lebeh luas dan ketat.

Undang2 yang di-maksudkan itu, kata-nya, dapat-lah di-jadikan sa-bagai pelindong raayat untok terus menekmati keamanan dan ketenteraman.

Mengenai dengan Undang2 Lalu-lintas pula Yang Berhormat itu berpendapat supaya pemandu2 teksi di negeri ini mengenalkan tambang2 yang tidak berlebehan dari yang sa-patut-nya. Untok tujuan ini, kata-nya, mungkin ada lebeh baik dan berfaedah jika teksi2 di-negeri ini di-perkenalkan dengan menggunakan chara meter yang boleh menentukan harga tambang bagi sesuatu perjalanan.

---

YANG Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking ketika membahaskan dan menyokong berhubong dengan Undang2 Pindaan Pejabat Pos, berkata, Pejabat Pos ada-lah satu pejabat yang penting, yang sama penting-nya saperti Talipon dan Radio untok memberikan perkhidmatan dan perhubongan dengan raayat. Maka dengan ada-nya undang2 pindaan tersebut, kita di-negeri Brunei ini tidak ketinggalan mempunyai taraf Pejabat Pos antarabangsa.

Ketika memberikan sokongan-nya terhadap Undang2 Lalu-lintas (Pindaan) 1976, Yang Berhormat itu mengharapkan kapada orang ramai supaya akan dapat memberikan kerjasama terhadap penggunaan kenderaan dan lalu-lintas jalanraya. Patut-lah benar undang2 itu di-patohi, jika kita mahu mengatasi kemalangan2 jalanraya yang pada masa ini sa-makin meningkat itu.

Demikian juga kapada pehak yang berkenaan, supaya dapat menjalankan dengan sa-baik2-nya pindaan undang2 tersebut saperti yang telah di-persharatkan.

Dalam Sidang Jawatankuasa peruntokan jabatan2 Kerajaan, Yang Berhormat itu bertanya sama ada Kerajaan mempunyai undang2 sekatan atau sharat2 bagi pekerja2 dari luar negeri?

**Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan menjelaskan bahawa Kerajaan memang ada mempunyai sharat atau sekatan2 di-maksudkan, dan ia-nya juga termasok dalam sharat2 yang di-kenakan melalui Jabatan Imigeresen.**

MAJLIS

# PROJEK2 KEMAJUAN SEDANG BERJALAN DGN PESAT

PERBELANJAAN ka-atas perkhidmatan Radio dan Talivishen ada-lah kian bertambah tetapi nilai alat perhubongan ini ada-lah di-hargai bukan sahaja sa-bagai satu bentok hiboran tetapi juga sa-bagai satu chara penyampaian pelajaran. Ka-arah ini perkhidmatan talivishen sedang di-perluaskan lagi bagi memuatkan ranchangan2 Talivishen Pendidekan. Alat2 pemanchar radio yang baru sedang di-pasang bagi mempastikan bahawa pancharan2 akan dapat di-terima hingga ka-seluroh pelusok negeri dan mutu siaran bunyi-nya pula sedang di-perbaiki dengan chara mengadakan alat2 pemanchar FM dan juga dengan chara memulakan satu perkhidmatan stereo. Kerajaan ingin benar mempastikan bahawa pancharan2 talivishen dapat di-nekmati oleh semua orang. Ka-arah ini peti2 talivishen telah pun di-berikan dengan perchuma ka-kampong2 dan satu sistem pinjaman2 murah telah di-perkenalkan yang dengan demikian peti2 talivishen dapat-lah di-mileki di-semua rumah.

Walaupun perkembangan perusahaan minyak dan gas ada-lah sangat penting kapada negara, langkah2 juga sedang di-ambil pada mempastikan bahawa sumber2 alam yang lain juga di-pergunakan dengan sa-baik2-nya. Ahli2 Yang Berhormat akan dapat memperhatikan bahawa terdapat tambahan2 dalam perbelanjaan bagi Jabatan2 Pertanian, Perikanan dan Kehutanan. Petani2 sedang di-lateh dan di-galakkan untok menanam jenis2 bahan makanan yang pada masa ini di-impot dari luar negeri, supaya negeri ini akan dapat mengeluarkan hasil2 yang menchukupi untok keperluan dalam negeri sendiri. Satu perusahaan perikanan juga telah di-ranchangkan berasaskan kapada penangkapan ikan di-lautan dalam dengan menggunakan pukat tarek dan perusahaan ini akan di-perlengkapkan dengan kolam2 ikan ayer tawar. Kajian2 ka-arah ini sedang mendapat perhatian.



Salah sa-buah peti talivishen yang telah di-hadiahkan oleh Kerajaan kapada penduduk pendalaman di-negeri ini. Kelihatan kanak2 sedang ashek menuntun-nya. Tidak lama lagi satu ruangan "Pendidekan Kanak2" akan di-njorkan melalui talivishen.

Jabatan Kemajuan Kerjasama telah pun membuat banyak kemajuan sejak ianya di-tubohkan. Dengan memberikan cheramah2 dan demonstrasi2, jabatan ini telah dapat menunjokkan kapada orang2 perseorangan bagaimana mereka dengan bergabong boleh menubohkan usaha2 perniagaan yang boleh bertapak-maju, yang mana jika tidak demikian ada-lah mustahil untok terus di-jalankan. Walaupun latehan2 yang banyak perlu di-buat, terdapat banyak tanda2 yang menunjokkan bahawa sa-bilangan kedai2 runchit dan perusahaan2 kechil akan dapat di-tubohkan dengan chara ini.

Sekarang berbalek kita kapada soal Kemajuan, Ahli2 Yang Berhormat akan mengingat kembali bahawa Ranchangan Kemajuan Lima Tahun yang ada pada masa ini ada-lah berdasarkan kapada satu sumbangan keseluruhan kapada Kumpulan Wang Kemajuan yang sa-banyak $500 juta. Sekarang ada-lah di-putuskan supaya Kumpulan Wang ini di-tambah menjadi $700 juta bagi membolehkan sekim2 baru di-muatkan dalam Ranchangan ini dan juga bagi menambah harga ranchangan bagi sekim2 tertentu yang terdapat ketika ini. Oleh kerana sa-jumlah wang $250 juta telah pun di-sumbangkan kapada Kumpulan Wang ini bagi tahun2 1975 dan 1976, maka ada-lah di-chadangkan supaya sumbangan2 sa-banyak $150 juta di-buat di-sa-panjang sa-tiap tahun2 1977, 1978 dan 1979.

Peruntokan telah di-buat dalam tahun 1976 bagi perbelanjaan dari Kumpulan Wang Kemajuan yang berjumlah $137 juta. Nampaknya sekarang perbelanjaan yang di-lakukan sa-panjang tahun akan berjumlah $114 juta dan baki Kumpulan $114 juta dan baki Kumpulan Wang ini pada 31hb Disember 1976 pula akan berjumlah $47.6 juta. Satu sumbangan sa-banyak $150 juta tahun depan akan menjadikan jumlah wang yang terdapat dalam Kumpulan Wang kapada $197.6 juta pada mana perbelanjaan ada-lah di-anggarkan berjumlah $144 juta, sedang baki-nya pula akan di-bawa kehadapan kapada tahun 1978.

Anggaran2 Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun 1977 saperti yang di-bentangkan di-atas meja sa-bagai Kertas Bil. 1, menyebutkan dengan panjang-lebar perbelanjaan hingga kini dan juga yang di-susun untok tahun 1977 bagi sa-tiap Projek Kemajuan. Dengan membuat rujokan kapada Anggaran2 ini, Ahli2 Yang Berhormat akan mendapati bahawa perlaksanaan Ranchangan tersebut ada-lah sa-makin bertambah ranchak.



Y.B. Pegawai Kewangan Negara, Pehin O.K. Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee.



Majlis dailog anjoran Sharikat Kerjasama Kampong Telisai, turut hadhir dalam majlis tersebut ia-lah Pemangku Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Omar bin Haji Serudin kelihatan sedang menyampaikan uchapan-nya.

Satu penyiasatan gambar-foto udara terhadap sumber2 hutan telah pun hampir selesai. Hal ini ada-lah sa-bagai satu sharat yang penting bagi memajukan tanah hutan. Chadangan2 untok menubohkan satu perusahaan Kompleks Kayu-Kayan dalam sektor swasta telah pun di-terima dan sedang dalam penilaian.

Lapanganterbang Antarabangsa sekarang di pergunakan dengan sa-penoh-nya dan sa-buah bangunan untok menyimpan barang muatan udara dan sa-buah kawasan pemeliharaan pesawat terbang telah pun di-siapkan baru2 ini. Sa-buah bangsal kapal terbang yang boleh menempatkan pesawat terbang yang paling besar dalam perkhidmatan penerbangan dewasa ini sedang dalam pembenaan dan ia-nya akan di-sewakan kapada Sharikat Penerbangan Diraja Brunei. Ini akan membolehkan banyak kerja2 pemeliharaan kapalterbang yang pada masa ini terpaksa di-selenggarakan di-seberang laut, dilakukan dalam negeri ini.

Sekolah2 terus di-adakan dan bangunan2 yang sedia ada di-perbesarkan. Pembenaan Pusat Tingkatan Enam sedang lanchar dilaksanakan dan ranchangan2 berjalan dengan lichin bagi mengadakan tempat2 tinggal tambahan untok Maktab Latehan Perguruan dan juga sa-buah Institiut Teknikal.

(BERSAMBONG)

## Di-Belait kekurangan Kedai dan . . .

YANG Berhormat Pehin Datu Singa Menteri dalam uchapan penanggohannya memohonkan kapada pehak Kerajaan supaya akan dapat menyegerakan sa-suatu ranchangan yang sudah sedia dengan peruntokan-nya. Barang2 yang lambat, tambah-nya, patut-lah di-chepatkan dan di-segerakan apa yang di-pohonkan oleh raayat itu.

Ini, kata beliau, termasoklah mengenai dengan permohonan tanah yang mana tanah ada-lah merupakan sumber penghidupan raayat yang penting. Raayat yang belum bertanah, patut-lah diberi tanah.

Beliau juga mengulangi pendapat-nya bahawa jalan2 raya yang patut di-buboh tar itu di-harap-lah supaya akan dapat di-segerakan, dan demikian juga sekolah2 di-pendalaman yang sudah rosak, harus-lah di-perbaiki keadaan-nya.

Yang Berhormat itu mensiftakan Belait kekurangan kedai demikian juga disa-tengah2 tempat di-negeri ini.



Y.B. Pehin Datu Singa Menteri

Pehin Datu Singa Menteri juga mengingatkan Kerajaan mengenai dengan penubohan bank2 di-negeri ini, menurutnya, perlu-lah di-kaji sadalam2-nya supaya bank2 itu terjamin perniagaan-nya. Jika bank2 itu terjamin, maka wang raayat yang di-simpan di-dalam bank itu juga terjamin.

Sa-belum itu ketika menyokong Rang2 Undang2 Rumah Perjudian (Pindaan), 1976, Yang Berhormat itu mensifatkan perjudian ini ada-lah sa-bagai memusnahkan harta benda rumah tangga.

Sa-lain dari itu, kata-nya, beliau sendiri tidak pernah mendengar orang2 penjudi itu menjadi kaya raya tetapi sebalek-nya bertambah miskin dan papa, tidak kurang pula terjadi penipuan, penchurian dan pembunohan.

Yang Berhormat itu bertanya, mengapa-kah di-adakan alat keselamatan di-Muzium itu?

Soalan tersebut telah diterangkan oleh Yang Berhormat Setia Kerajaan bahawa alat keselamatan didalam bangunan Muzium itu untok memberi tahu kapada orang2 yang berada didalam-nya, ia-itu, jika terjadi sa-suatu kebakaran atau kechurian; alat keselamatan itu sa-chara otomatik akan terus di-hubongkan ka-Balai Polis dan juga Balai Bomba.

Yang Berhormat itu juga menerangkan, barang2 yang terdapat di-dalam bangunan Muzium itu ada-lah barang2 yang paling berharga, sebab itu-lah keselamatan-nya perlu di-jaga. Peruntokan Muzium berjumlah $1 juta bagi bagi tahun 1977 ini telah diluluskan.

# KEUPAYAAN DAN KEGIGIHAN YANG BERTERUSAN PADA MENCHAPAI KEJAYAAN

*pelajar hari ini dan esok*

*Minggu ini Pelajar Hari Ini dan Esok mengakhiri tinjauan mengenai penghantaran penuntut yang di-biayai dengan perbelanjaan biasiswa Kerajaan ka-seberang laut.*

*Tinjauan ini keselurohan-nya berpandukan laporan tahunan Jabatan Pelajaran sejak tahun 1972 tidak termasok bilangan penuntut2 yang di-hantar menerusi Jabatan Hal Ehwal Ugama.*

**Penghantaran penuntut2 aliran Melayu ka-United Kingdom pada akhir bulan Oktober 1976 lalu itu yang berjumlah 26 orang dan mereka itu terdiri dari lulusan2 Sijil Tinggi Persekolahan di-Pusat Tingkatan Enam.**

**Mereka dapat-lah kita katakan sa-bahagian dari projek penghantaraan penuntut2 aliran Melayu oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sentiasa tidak ingin mengenapikan keutamaan bagi penuntut2 tersebut sa-bagaimana yang pernah di-lafazkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam sabda uchapan beliau ketika merasmikan pembukaan Hari Pelajar 1974 di-Dewan Raya yang mengatakan :**

". . . bagi pelajar2 aliran Melayu, Kerajaan tidak berniat untok mengenapikan mereka yang berjaya menchapai kelulusan Sijil Pelajaran Menengah atau Sijil Tinggi Persekolahan . . . kerana Kerajaan sedar bahawa sekolah2 aliran Melayu adalah juga di-usahakan dan dibiayai oleh Kerajaan.

. . . oleh itu kapada penuntut2 aliran Melayu supaya akan berazam sambil menumpukan tenaga dan fikiran mereka pada mendapatkan kelulusan dan ilmu pengetahuan yang lebeh luas bagi masa hadapan."

Dan untok meyakinkan lagi pada melenyapkan prasangka yang mungkin maseh bermain di-hati dan perasaan pelajar2 aliran Melayu tentang nasib mereka untok meneruskan pengajian ka-seberang laut di-pusat2 pengajian tinggi, di-petik lagi uchapan Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan pada bulan Mei, 1974 berbunyi :

"Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan supaya penghantaran penuntut2 dari aliran Melayu yang telah mendapat kelulusan perengkat yang tertinggi di-negeri ini akan terus di-usahakan, pada mula-nya untok mendapatkan kelulusan2 dalam bahasa Inggeris dan sa-terus-nya menuju karah kursus2 atau kelulusan2 professional atau sub-professional menurut keupayaan masing2.

. . . dan dengan ini kebimbangan penuntut2 aliran Melayu sa-harus-nya tidak timbul dan sekarang terpulang-lah kapada penutut2 itu sendiri untok mendapatkan kelayakan yang boleh melayakkan mereka memasoki kursus2 di-luar negeri."

Demikian-lah rasa hati Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ingin membekalkan apa jua chorak pelajaran, kemahiran dan kelulusan yang sa-tinggi2-nya yang perlu di-mileki oleh warga negeri ini di-seberang laut tanpa menghiraukan jumlah perbelanjaan yang di-perlukan.

Apa yang sa-harus-nya disumbangkan oleh sa-tiap pelajar yang telah mendapat kornia biasiswa Kerajaan itu ia-lah mereka sa-wajar-nya menampakkan keupayaan dan kegigihan yang berkesan dan berterusan pada mendapatkan kelayakan dan kelulusan yang di-perlukan oleh pelajar, masharakat dan negara.

Barang sa-tentu-nya apa yang di-harapkan itu memang sa-bahagian-nya telah dapat di-penohi oleh mereka itu sa-jauh ini di-mana satiap tahun sa-bilangan dari penuntut kita telah pulang dengan membawa kejayaan dan kelulusan di-berbagai bidang kemahiran yang di-kehendaki sa-bagai memenohi tempat kosong dalam pentadbiran Kerajaan yang dulu-nya kita kekurangan didalam-nya.



**Sa-bahagian dari penuntut2 baru Pusat Tingkatan Enam sedang menjalani minggu suai-kenal di-Pusat tersebut.**

Meninjau pada bilangan penuntut2 kita di-seberang laut yang telah menchapai kejayaan itu pada tahun 1972 sa-ramai 40 orang penuntut telah lulus dalam berbagai kelulusan termasok sembilan orang lulus dalam perengkat diploma, 21 orang mendapat kelulusan bersijil dan 10 orang mendapat kelulusan berijazah.

Pada tahun 1973 pula saramai tiga orang penuntut mendapat kelulusan bersijil, 20 orang lulus di-perengkat diploma dan 14 orang berkelulusan ijazah.

Sementara dalam tahun 1974 sa-ramai 15 orang penuntut sahaja yang lulus dengan mendapat pangkat diploma dan ijazah. Dan dalam tahun 1975 sa-ramai 34 orang lulus antara-nya 15 orang lulus dengan kelulusan bersijil, tujoh orang dengan pangkat diploma dan 12 orang dengan pangkat ijazah.

Kelulusan2 yang di-chapai itu termasok-lah kelulusan Diploma dan Ilmu Kira2, Diploma Rekabentok, Diploma dalam Kesihatan dan Pengeluaran, Pengurusan dan Pentadbiran, Sarjana Muda Sains dalam Ilmu Jiwa, Kaji Haiwan, Kaji Purba, Ekonomi, Kejuruteraan, Undang2, Sejarah dan lain2-nya.

Tentu-lah dengan kelulusan2 yang telah di-perolehi oleh penuntut2 tersebut kita yakin ia-nya akan dapat memberikan satu perangsang kapada penuntut2 yang sedang dan akan meneruskan pengajian mereka ka-perengkat itu.

Dan lambat laun segala kekurangan yang sa-lama ini terasa untok kita tunjolkan bagi memenohi jawatan2 penting dalam pentadbiran Kerajaan yang mana sa-bahagian-nya maseh di-laksanakan oleh pegawai2 pinjaman dari luar negeri itu akan dapat di-penohi oleh anak negeri ini sendiri.

Hanya dengan jalan membukakan peluang yang saluas2-nya ini-lah harapan kita untok melihat jenerasi muda yang penoh kesedaran untok mentadbir dan memimpin masharakat dan melaksanakan pembangunan negara pada masa2 akan datang akan dapat berjalan dengan lichin dan sempurna agar negara kita yang chomel ini tidak akan menjadi sasaran ejekan dan rebutan dari manusia rakus.

# J/K baru P'satuan Penuntut2 Brunei di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 22 orang penuntut2 Brunei di-United Kingdom telah di-pileh untok menganggotai Jawatankuasa Baru Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom baru2 ini yang telah mengadakan Mashuarat Agong Tahunan-nya bertempat di-Rumah Kerajaan Brunei di-London pada 23hb Disember 1976 lepas, demikian di-laporkan kapada Pelita Brunei minggu ini.

Awang Razali bin Johari telah di-lantek sa-bagai Yang Dipertua Persatuan yang baru sementara Naib Yang Dipertua di-pegang oleh Awang Haji Mohd Murad bin Abang Ali dan Dyg Hayati bte POK Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohd Salleh sabagai Naib Yang Dipertua Wanita.

Setiausaha Agong di-serahkan kapada Dk. Halimah bte Pengiran Pengawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh dan Penolong Setiausaha Agong-nya Dayang Irene Cheong Poh Ai bertugas sa-bagai Penolong Setiausaha Agong Persatuan.

Bendahari Agong dan Penolong Bendahari Agong di-amanahkan kapada Anthony Liew dan Haji Adanan bin Haji Mohd. Yusof.

Awang Semith bin Sabli dan Awang Mohd. Said bin Haji Yakub di-lantek sa-bagai Setiausaha Kebajikan dan Penolong Setiausaha Kebajikan sementara Bahagian Penerangan di-pegang oleh Abdul Majid bin Alias sabagai Setiausaha dan Abdul Rahman bin Haji Mohiddin sa-bagai penolong-nya.

Setiausaha Sosial dan penolong-nya di-pegang oleh Awang Bujang bin Mashud dan Morsidi bin Pehin Jawatan Dalam Haji Abdul Rahman.

Awang Ismail bin Yusof bertanggong-jawab sa-bagai Setiausaha Sokan di-samping penolong-nya Awang Abdullah bin Haji Matahir.

Dalam bahagian ugama, Awg Samad bin Haji Abas dan Awg Shahril bin Haji Mohsin di-lantek sa-bagai Setiausaha dan penolong Setiausaha Hal Ehwal Ugama Persatuan.

Tugas Setiausaha Hal Ehwal Perdagangan dan penolong-nya di-pegang oleh Ak. Salleh bin Pengiran Osman dan Awang Damit bin Tengah serta Awang Azahari bin Mohd. Ali sa-bagai Jurukira.

Dua orang ahli jawatankuasa juga telah di-lantek ia-itu Awang Sumadi bin Sukaimi dan Awang Ismail bin Ahmad.



**Kelihatan dalam gambar Datin Hajjah Zaharah bte Haji Idris, Ketua Pegawai Kebajikan, Belia dan Sokan sedang memerhatikan gambar2 dalam pertunjokan yang di-anjorkan oleh Penuntut2 Brunei di-United Kingdom dalam bulan September 1976 lalu. Datin Hajjah Zaharah juga pernah menjadi Naib Yang Dipertua Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom dalam tahun 1960/61.**

# Lumba Rentas Desa

BANDAR SERI BEGAWAN. Lebeh 100 orang murid dari sembilan buah sekolah rendah di-bahagian Brunei satu akan menyertai perlumbaan rentas desa sa-jauh empat batu yang akan bermula dipadang Sekolah Melayu Gadong dan berakhir di-padang Sekolah Menengah Melayu SMJA di-sini.

Perlumbaan yang akan melalui Jalan Kiulap itu akan di-langsongkan di-sebelah petang pada hari Isnin, 14hb Februari ini dan ia-nya di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran dan di-kendalikan oleh Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.

Hadiah2 akan di-sampaikan oleh Pegawai Perhubongan, Jabatan Pelajaran, Awang Haji Mohammad Yassin bin Haji Metassim kapada pemenang2 perlumbaan.

# MENJAGA KEBERSEHAN HARUS-LAH DI-AMALKAN SA-TIAP MASA




SALAH satu berita yang menarek perhatian pada 23hb Januari yang baru lalu ia-lah majlis penyampaian sijil kenang2an anti kamah di-Daerah Belait. Di-Bandar Seri Begawan sendiri beberapa tahun yang lalu, Majlis Belia2 Negeri Brunei pernah menganjorkan anti kamah bagi membersih bandar yang di-sebutkan, dan alhamdulillah, berkat kesunggohan pehak Kerajaan pada mengawal kebersehan, maka banyak pelawat2 luar negeri Brunei ada-lah termasok salah satu negeri yang berseh khas-nya bandar2 di-negeri ini.

Meski pun Kerajaan mempunyai pengawasan yang chukop dan terus menerus mengawal masaalah kebersehan di-negeri ini, tetapi tentu-lah semua orang menghargai siapa saja yang menyertai usaha2 anti kamah itu. Dan bagi orang Islam pula, bekerjasama dalam mengawal kebersehan di-semua kawasan ada-lah sangat2 di-galakkan, kerana Ugama Islam itu sendiri ada-lah ugama yang anti kamah sa-bagaimana yang di-tegaskan dalam salah satu firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 222 yang bermaksud :

' Sa-sunggoh-nya Allah menyukai orang2 yang bertaubat dan orang2 yang pemberseh. ' Dan Nabi Muhammad s.a.w. pula pernah bersabda yang maksud-nya bahawa kebersehan itu ada-lah sa-bahagian daripada iman.

Tentu-lah semua orang tahu bahawa untok mengerjakan ibadat sembahyang misal-nya, Ugama Islam tidak dapat menerima keadaan yang kamah menurut shara' baik pada tuboh badan, pada pakaian dan mahu pun tempat. Tetapi sa-benar-nya masaalah kebersehan menurut pandangan Ugama Islam bukan-lah hanya terbatas untok tujuan beribadat, bahkan orang Islam di-galakkan bekerjasama pada mengawal kebersehan kampong dan desa, mukim dan kota bahkan seluroh negeri termasok-lah bandar.

Pada kurun ka-empat belas lagi, sa-orang ulama telah membahaskan masaalah kebersehan bandar dan kedudokan sa-sabuah bandar itu. Pada keselurohan-nya menurut pandangan Islam, bandar itu bagi sa-sabuah negeri dan masharakat Islam ia-lah pusat kemajuan dan pembangunan, bandar itu ia-lah pusat bagi pergerakan ekonomi atau sumber bagi pembahagian rezeki, bandar itu juga ia-lah pusat pentadbiran, pertahanan dan keselamatan. Bahkan usaha2 penyiaran ugama juga sangat berkaitan rapat dengan sa-sebuah bandar, sa-bagai misalan bahawa Rasullulah s.a.w. dan Khalifah2 Islam yang lain telah pun memboktikan betapa kuat-nya penyiaran Ugama Islam itu sa-telah di-mulai dari kota Mekah ka-kota Medinah, dari bandar Baghdad ka-bandar Damshik, dari Mesir ka-lain2 bandar sa-terus-nya.

Melihat betapa mustahak nya sa-sebuah bandar itu bagi kehidupan umat Islam dan perkembangan ugama, maka menurut ugama Islam, sa-tiap mukmin harus-lah mengawal kesejahteraan dan kebiasaan di-dalam bandar khas-nya mengenai tiga perkara :

PERTAMA: Sa-tiap orang harus-lah bekerjasama mengawal keamanan dan ketenteraman supaya kesejahteraan dan kesempurnaan hidup dapat di-nekmati dan dilaratkan ka-lain2 kawasan.

KEDUA : Sa-tiap orang harus-lah bekerjasama dalam mententukan supaya udara di-sa-keliling bandar dan masaalah kebersehan-nya akan sentiasa terkawal bagi mengelakkan jangkitan penyakit.

KETIGA : Sa-tiap orang harus-lah bersikap ingin kapada kemajuan dan menjauhi sifat2 yang pugut supaya dengan itu harta benda umum atau apa jua yang berchorak kemudahan dan perkembangan ekonomi, kemudahan2 pentadbiran dan yang lain2 akan sentiasa terkawal dan bertambah maju.

Takaduhong kita hanya ingin berchakap mengenai perlu-nya kebersehan bandar, maka jelas-lah sekarang bahawa Ugama Islam menyuroh kita bekerjasama dengan pehak2 yang berkenaan dalam perkara itu, kerana sa-sebuah bandar yang tidak terkawal kebersehan-nya bukan hanya akan menyebabkan jangkitan penyakit, bahkan dalam jangka panjang ia boleh menimbulkan akibat kapada lain2 bidang kehidupan sa-hari2 saperti yang terkandong dalam huraian2 di-atas, dan dengan penjelasan itu elok-lah kita faham bahawa memelihara kebersehan di-kampong2, desa dan mukim ada-lah termasok dalam surohan ugama.

Bila mengawal kebersehan itu di-anggap sa-bagai ilmu saleh, maka orang2 Islam di-Brunei ada-lah sangat beruntong, kerana pehak Kerajaan terus memelihara muslihat itu dan patut-lah amal saleh itu akan ampit bagi orang yang meranchang sa-chara terator dan orang yang menyertai kempen anti kamah mithal-nya dengan niat sa-mata2 kerana Allah dan dengan tujuan menjalankan semangat bekerjasama.



KIRA2 150 oang guru2 besar Sekolah Ugama di-negeri ini telah menghadhiri satu perjumpaan untok membinchangkan chara2 memimpin penuntut2 Sekolah Ugama ka-arah menyempurnakan ibadat sembahyang yang sempurna terus menerus dan dalam memperbaiki bachaan kitab suchi Al-Koran.

Perjumpaan yang berlangsong pada pagi hari Isnin lepas itu di-hadhiri juga oleh Pegawai2 Kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan telah di-langsongkan di-Dewan Sekolah Ugama di-Batu 1½, Jalan Tutong.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama telah juga menyampaikan cheramah dalam perjumpaan tersebut.

Gambar atas memperlihatkan Y.B. Pehin O.K.R. Diraja sedang memberikan uchapan sementara Pegawai2 Kanan JHEU sedang dudok mendengarkan uchapan beliau dalam perjumpaan hari itu.



SATU majlis Khatamal Koran telah di-adakan di-Bangunan Madrasah Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan pada malam Jumaat, 21hb Januari lalu.

Majlis malam itu di-penohi juga dengan satu penyampaian sijil2 kelas dewasa Koran dan Ugama kapada kira2 30 orang pelajar2 dewasa Madrasah JHEU.

Penyampaian sijil2 tersebut telah di-lakukan oleh Dayang Hajjah Hindut binte Lamat, isteri kapada Awang Haji Abdul Saman bin Abdul Kahar, Ketua Pelajaran Ugama.

Gambar sebelah menunjokkan Dayang Hajjah Hindut (membelakang kamera) sedang menyampaikan sijil tersebut kapada salah sa-orang pelajar.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 9hb Februari, 1977 sa-hingga ka-hari Selasa 15hb Februari, 1977 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| Hari Bulan | Dzohor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 9hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 10hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 11hb Feb | 12.40 | 4.01 | 6.38 | 7.49 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 12hb Feb | 12.40 | 4.01 | 6.38 | 7.49 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 13hb Feb | 12.40 | 4.01 | 6.38 | 7.49 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 14hb Feb | 12.40 | 4.01 | 6.38 | 7.49 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 15hb Feb | 12.40 | 4.01 | 6.38 | 7.49 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# PERJALANAN KA-TANAH SUCHI

OLEH: HAJI ABDUL AZIZ JUNED
KETUA PEGAWAI PERHUBONGAN
HAJI TAHUN 1396/1976.

(Siri ke-tujoh)

10hb Nobember, 1976 kumpulan kedua jemaah haji kita sampai di-Madinah. Pegawai2 yang mengetuai mereka ia-lah: Yang Dimuliakan Major Pehin Datu Harimau Padang Haji Mohd Husin bin Ahmad dan Yang Mulia Awang Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail. Saya dan rakan setugas saya, Haji Mohd Yunos sa-lepas sembahyang Suboh lagi sudah berkejar ka-Stashen Besar untok menyambut mereka. Agak hampir sa-jam kami di-sana tapi belum juga kelihatan walau sa-buah bas pun yang membawa mereka itu. Mungkin agak-nya mereka bertolak lewat, fikir kami. Bagaimana pun sa-belum ini, kami telah di-maklomkan oleh Sheikh bahawa mereka pasti datang hari ini juga. Ini di-pastikan oleh Sheikh melalui hubongan-nya dengan pehak2 yang berkenaan di-Jeddah.

Hanya batah setagal-nya tidak dapat di-pastikan, bergantong pada keadaan. Kerana itu kami mengambil keputusan pulang dulu ka-rumah. Hatipun kebetulan tidak berapa senang, kerana setakat ini ada empat lima orang jemaah sedang sakit, ada di-antara-nya agak serious. Udara di-sini makin sa-hari semakin sejok, sa-hingga ada di-antara jemaah yang mengadu kurang tahan. Melihat mereka ini hati timbul kasehan, ma'alom sa-tengah-nya itu ada yang tua2. Pendek-nya macham2-lah pengaduan yang di-terima pada tiap2 kali kami masok melawat mereka. Ada yang mengadu minta tambah bantal atau ayer kurang dan lain2 lagi. Semua itu di-selesaikan sebaik2-nya dengan Sheikh.

Tapi ada juga yang tidak mengadu apa2. Semua-nya baik2 belaka, kata mereka bila di-tanya. Dan adapun kebiasaan mereka ini—biasa-nya — bila melihat pegawai2 terlalu susah melawat hari2, ada yang akan berchakap: "Jangan tah abis tuan luan ingaukan kami ani, insha Allah inda kami apa2, ngalih saja abis tuan turun naik. Kalau kami perlu nanti baru kami melagau."

Sejok hati mendengar kata2 yang bersopan saperti ini. Kami merasakan ini-lah penawar, juga perangsang yang sangat kuat kapada semangat bekerja dan berkhidmat, bukan sebalek-nya. Ini-lah yang di-namakan lichak2 ayer boleh melekokkan batu yang keras.

SAIKOLOJI AYER

Saya fikir jika semua jemaah memainkan "saikoloji ayer" ini, maka lebeh banyak menafa'at yang di-dapat dari-pada sebalek-nya kita bermain api. Terutama-nya yang sudah terang kita mempunyai harapan besar ibadat kita akan selamat. Sebab, bukan-lah tersembunyi larangan Allah di-dalam Al-Qur'an supaya kita jangan berchakap kotor, berlaku jahat (fasik) dan berbantah2an dalam masa mengerjakan haji itu. (lihat Al-Baqarah: 197).

SAMPAI

Kira2 lebeh kurang jam 10.00 pagi kumpulan kedua jemaah kita yang di-ketuai oleh pegawai2 yang di-sebutkan tadi pun sampai-lah dengan selamat-nya. Mereka di-tempatkan tidak jauh dari kediaman jemaah2 kumpulan pertama. Mereka semua-nya berjumlah 117 + 115 orang dari kumpulan yang pertama, menjadikan jemaah kita semua-nya berjumlah 232 orang. Sementara dengan ketibaan jemaah2 lain dari merata dunia menjadikan Kota Madinah setakat ini bertambah tumpat. Hanya dalam jarak dua tiga hari sahaja bilangan orang menchurah2 menjadikan segala2-nya penoh sesak: Jalan di-belakang Masjid Nabi pun telah di-tutop untok orang2 sembahyang. Sebarang kenderaan tidak lagi di-benarkan melalui-nya. Indok masjid tidak menchukopi. Bahkan sampai di-kaki2 lima kedai2 dan hotel2 juga di-gunakan tempat sembahyang. Dan sa-suatu yang amat menarek ia-lah, apabila masok waktu sembahyang dan suara azan bergema melalui menara masjid yang agong itu, maka ketika itu tidak ada JUAL-BELI. Tidak ada pekedai2 yang hendak melayani tuan, mereka juga mahu sembahyang. Pendek-nya segala kegiatan dan pekerjaan untok dunia di-berhentikan buat sementara. Seruan:



Pemandangan Masjid Madinah.

حيّ على الصلاة، حيّ على الفلاح

"Mari-lah sembahyang, mari-lah menchapai kemengan di-jalan Allah" ada-lah lebeh "sakti" dari emas, mutiara dan intan baiduri. Waktu itu-lah segala hati yang khuso' semakin tundok, dan waktu itu juga segala matahari yang biasa tergoda oleh dunia ini akan melihat keagongan Allah lebeh dari segala2-nya. Segala kesulitan tidak lagi terasa. Berasak-asak dan berlaga bahu menjadi perkara yang lumrah. Benar-lah saperti kata madah:

*apabila jiwa itu*
*Besar. . . .*
*maka payah-lah tuboh*
*menchapai maksud-nya . . .*

Dan berkata Al-Ghazali: "Bahawa Allah Ta'ala tiada menyimpan kemuliaan dan kerajaan akhirat dan dunia itu, selain pada tempat bahaya." Maksud dari perkataan Al-Ghazali ini dapat-lah di-rumuskan bahawa sa-tiap sa-suatu yang berharga yang hendak di-chapai itu kena-lah kita melalui kesulitan2 dan bahkan bahaya. Dan demikian-lah hal-nya dengan ibadat haji, suatu ibadat yang menyuroh kita berkorban (dalam suatu hadith di-sebut jihad) dengan berjalan jauh, berbelanja, berpanas dan bersejok. Tetapi ibarat orang mendaki gunong, di-atas gunong itu ada kumala umpama-nya. Bahkan haji lebeh dari itu. Ya, siapa-kah kira-nya yang sanggup dan dapat menilai nekmat SHORGA? Allahu A'lam.

PEGAWAI2 PERUNDING

Hari itu juga pegawai2 perhubongan haji telah merundingkan beberapa perkara yang mustahak. Di-samping perkara2 yang berkaitan dengan keadaan di-Madinah sendiri, termasok-lah juga hal2 yang mungkin akan di-hadapi ketika di-Mekah kelak. Tentang rumah, bayaran, sheikh dan pembahagian tempat tinggal jemaah di-rumah2 sheikh. Pendek-nya banyak-lah lagi hal2 lain selain yang di-sebutkan itu.

Lihat muka 12



Orang ramai kelihatan sedang berkumpul menyaksikan mayat Awang Haji Ahmad yang di-jumpai pada petang hari Selasa 25hb Januari lalu. Kelihatan juga perahu peronda Pasokan Laut Polis Diraja Brunei sedang mengawal mayat tersebut (yang bertanda dalam bulatan di-buritan perahu Peronda Polis).

# SA-ORANG DI-TAHAN BERHUBONG DENGAN PELANGGARAN DI-SUNGAI BRUNEI

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang pemuda sedang di-tahan oleh pehak Polis sejak minggu lalu berikutan dengan kejadian perlanggaran dua buah motor sangkut penambang di-Sungai Brunei berhadapan dengan gerai makan di-sini yang menyebabkan kematian Awang Haji Ahmad bin Jamudin berumor 40 tahun pada akhir bulan Januari lalu.**

Johnnie anak Linggi, 16 tahun telah di-dakwa di-mahkamah di-sini kerana menyebabkan kematian tersebut bilamana dia di-katakan memandu sa-buah perahu tambang dengan chuai dan terburu2 dan melanggar perahu Awang Haji Ahmad dalam keadaan chuacha gelap pada malam 23hb Januari lepas.

Dia yang kini maseh di-tahan untok penyiasatan lanjut akan di-hadapkan ka-mahkamah sa-kali lagi pada 16hb Februari depan, demikian di-laporkan oleh sa-orang juruchakap Polis minggu ini.

Awang Haji Ahmad yang berasal dari Kampong Saba Darat 'B' dan sa-orang lagi penumpang yang berumor kira2 23 tahun telah dapat di-selamatkan dalam keadaan chedera parah dan sa-hingga ini maseh di-rawat di-Rumah Sakit Besar di-sini, manakala Awang Haji Ahmad di-laporkan hilang.

Kehilangan Awg Haji Ahmad telah di-sedari kemudian-nya di-mana satu gerakan menchari-nya telah di-pergiatkan oleh Pasokan Polis dan Pasokan Penyelam Askar Melayu Diraja Brunei serta di-bantu oleh orang ramai.

Mayat Awg Haji Ahmad telah di-temui pada hari Selasa, 5hb, Januari lebeh kurang pada pukol 3.40 petang di-sekitar kawasan perlanggaran itu juga sa-telah kira2 44 jam hilang di-dalam ayer.

Sementara itu sa-orang lagi pemuda China telah di-laporkan mati sa-telah terlibat dalam satu kemalangan jalanraya dekat Kampong Baru, Seria pada hari Isnin, 31hb Januari lepas.

Ng Eng Heng berumor 28 tahun telah meninggal dunia sa-telah di-kejarkan ka-Rumat Sakit Belait sa-jurus sa-telah di-langgar oleh sa-buah kenderaan ketika dia hendak keluar dari kereta-nya yang sedang terkandas di-dalam lumpur.

Ng ada-lah mangsa kemalangan jalanraya ketiga awal tahun ini di-mana mangsa kemalangan jalanraya kedua ia-lah sa-orang kanak2 yang berumor kira2 dua sa-tengah tahun telah di-langgar oleh sa-buah lori di-Daerah Temburong pada petang Selasa, 25hb. Januari. Kemalangan itu berlaku ketika lori tersebut sedang memasoki sa-buah halaman persendirian.

Bagaimana pun menurut pehak Polis bahawa jumlah kemalangan jalanraya telah berkurangan akhir2 ini. Perangkaan2 baru yang di-keluarkan menunjokkan bahawa sa-banyak 97 kejadian kemalangan jalanraya telah di-laporkan berlaku sa-panjang bulan Januari lalu. Purata bulanan kemalangan tahun lalu ia-lah 109 kejadian.

Sa-orang juruchakap Polis berkata minggu lalu, ini menampakkan bahawa pemandu2 telah menunjokkan sikap memandu dengan lebeh berhati2 sa-telah amaran2 memandu di-keluarkan beberapa bulan lalu.

# PIALA MB JADI REBUTAN ANTARA DAERAH

KUALA BELAIT.—Satu perlawanan bolasepak antara daerah2 di-negeri ini di-jangka akan di-mulakan pada bulan Mach akan datang bagi menyandang kejuaraan bolasepak daerah untok merebut piala yang di-hadiahkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Menteri Besar Brunei.

Piala rebutan tersebut di-beri nama "Piala Menteri Besar Brunei" bagi perlawanan bolasepak di-antara daerah, anjoran Persatuan Bolasepak Amatur Daerah Belait sa-bagai projek tahunan-nya.

Ini telah di-nyatakan oleh juruchakap BDAFA minggu ini kapada Pelita Brunei. Pehak penganjor perlawanan ini mengharapkan semoga projek tersebut akan mendapat sambutan dari peminat2 bolasepak di-daerah2 Tutong, Brunei/Muara dan Temburong, jelas-nya.

Sementara itu pehak BDAFA juga telah menganjorkan perlawanan liga bolasepak bagi merebut Piala Chung Pah Hing — bagi bahagian pertama dan Piala Lucy Orchid — bahagian kedua. Ia-nya juga ada-lah merupakan projek tahunan BDAFA kali ketiga.

Kata-nya, pengurus pasokan yang telah mendaftarkan untok memasoki perlawanan bagi bahagian pertama dan kedua itu di kehendaki hadhir ka-KBRC pada 28hb Februari, jam 4.30 petang untok menerima penerangan2 dari pehak penganjor.

## 15 PANDUAN [UNDANG2 ke-6 dan 7]



UNDANG2 KE-6 PENJAGA2 GARISAN:

Dua orang penjaga garisan di-lantek bertanggong-jawab (tertaklok kapada keputusan pengadil) untok memberi isharat apabila bola terkeluar dari permainan dan pehak mana-kah yang hendak mendapat tendangan2 penjuru, tendangan gol atau membuang ka-dalam. Mereka akan juga membantu pengadil mengawal permainan mengikut undang2. Sekiranya terdapat gangguan yang tidak sa-wajar-nya atau kelakuan yang tidak senonoh oleh penjaga garisan, maka pengadil akan meluchutkan ia daripada tugas2-nya dan mengatorkan supaya pengganti-nya di-lantek. (Perkara ini akan di-laporkan oleh pengadil kapada pehak yang berkuasa).

UNDANG2 KE-7 LAMA MASA PERMAINAN:

Lama masa permainan akan mengandongi dua bahagian masa yang sama, ia-itu 45 minit sa-bahagian, kechuali telah di-persetujui bersama dengan sharat2 saperti berikut:—

a. Gantian masa akan di-berikan kapada mana2 bahagian kapada masa yang telah hilang kerana kemalangan atau lain2 sebab, dan lama-nya masa itu bergantong kapada budibichara pengadil.

b. Masa akan di-lanjutkan untok membolehkan tendangan penalti di-buat pada atau sa-lepas chukop masa yang biasa dalam mana2 bahagian.

Pada sa-paroh masa, lama masa rehat tidak akan melebehi daripada 5 minit kechuali dengan izin pengadil.

KEPUTUSAN LEMBAGA ANTARABANGSA.

Jika suatu perlawanan telah di-berhentikan oleh pengadil sa-belum tamat masa yang telah di-tentukan di-dalam undang2 oleh suatu sebab yang telah di-nyatakan di-dalam undang2 5, maka perlawanan itu mesti-lah di-mainkan samula dengan masa yang chukup melainkan peratoran pertandingan yang berkenaan menentukan keputusan perlawanan pada masa berhenti itu di-kuatkuasakan.

Pemain2 mempunyai hak untok masa rehat pada saparoh masa.

### KAN-HAL KITANI . . . .

— Musim bolasepak, bolasepak, bolasepak!
— Eh! Baik2 sadikit bakurapak, Dang!
— Mengapa kabini?
— Pasokan bolasepak bisdia di-Belait atu kuat2.
— Kajumpahan karang dengan Daerah Temburong baru tau!
— Kitani main bolasepak ani kalah lagi kana lagau makan!
— Bah, baik2 sadikit udah belajar undang2 bolasepak?




# PERANAN BELIA DALAM SOKAN

PERANAN belia dalam sokan itu ia-lah tanggong-jawab yang penting dan meliputi pada keselurohan-nya di-sekitar belia perseorangan, bersatuan dan berpersekutuan. Bagaimana pula kita boleh memupok belia2 untok lebeh2 lagi bergerak dan bertanggong-jawab dalam sokan?

Kita sa-bagai pemimpin2 belia tanah ayer mesti-lah bersunggoh2 menchungkil semangat berdikari dan semangat perpaduan di-kalangan belia sendiri; terutama semangat pengorbanan (sacrifice).

*Pengorbanan* ia-lah faktor utama yang di-perlukan di-dalam kemajuan sokan saperti masa, kewangan atau pilehan (freedom of choice).

Peranan belia bertanggong-jawab di-sekitar sokan sangat penting untok mengutamakan keta'atan, kejujoran serta sifat amanah. Kerana sokan itu boleh dan pernah melambangkan sa-buah negara atau sa-bagai 'agent deplomacy'. Dan beberapa tahun kebelakangan ini kita pernah mendengar atau membacha di-surat2 akhbar menchatetkan kata2 saperti 'pingpong deplomacy', 'golf deplomacy' dan sa-bagai-nya. Dari bidang sokan masaalah negara di-selesaikan sambil berselesa di-padang golf.

Peranan sokan dalam masharakat banyak mendatangkan kesan yang mendalam di-jiwa peminat dan penuntun-nya. Dari itu untok menggiatkan sokan itu patut-lah di-berikan perhatian yang wajar terutama sa-kali sokan dalam peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Bagi belia2 yang bergiat dalam memainkan peranan-nya dengan penoh ketabahan, penoh pengorbanan, kejujoran serta dedikasi.

Peranan belia dalam perkembangan sokan ada-lah:

a) Menjadikan asas kapada sokan itu,

b) Menjadi peserta dalam sokan perseorangan,

c) Menjadi salah sa-orang ahli dalam satu pasokan,

d) Menjadi sa-orang ahli jawatankuasa sokan dan

e) Menjadi wakil dalam satu persekutuan sokan.

Ini telah di-nyatakan oleh Ketua Pegawai Belia dan Sokan, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Pengiran Idriss dalam kertas kerja-nya yang telah di-sampaikan sendiri oleh beliau pada masa 'Seminar Pimpinan Belia', yang baru lalu.

## BELIA SUMBILING ANJOR LUMBA JALAN KAKI

KAMPONG SUMBILING. — Persatuan Belia Sumbiling akan menganjorkan lumba jalan-kaki jarak jauh sempena Meluaran Putera Sulong Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Perlumbaan tersebut akan di-langsongkan pada 3hb April, 1977, akan datang. Ia-nya terbahagi kapada lima bahagian: Lelaki terbuka, Wanita terbuka, Lelaki Veteran, Lelaki berpasokan dan Wanita berpasokan.

Tarikh tutop penerimaan borang2 penyertaan perlumbaan ia-lah 15hb Mach, 1977.






Gambar kenang2-an peserta "Seminar Pimpinan Belia" anjoran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan dengan kerjasama MBB yang lalu. Gambar bawah dudok di-tengah2 (berkacha mata hitam), Awang Mustafa Haji Abdul Rahman, Setia Usaha Agong MBB. Dalam seminar yang lalu, beliau juga telah membentangkan kertas kerja-nya bertajok "Tanggong-jawab belia dari segi penyelarasan."

# RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

## BAHAGIAN MELAYU

### RABU

PAGI : 6.05 — Bachaan Al-Quran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi, Waktu2 Sembahyang; 7.10 — Renongan bersama di-ikuti oleh hiboran sambil sarapan; 7.30 — Salam dari ku (SU); 8.00 — Dendang antarabangsa; 9.00 — Sains dan perusahaan (SU); 9.30—Dendang muda mudi; 10.00 — Warta Berita; 10.10—Selingan irama; 10.30—Permintaan Pagi Rabu; 11.00 — Lagu untok mu (SU); 11.30—Lagu2 Hindustan; 11.45—Untok kaum tani (SU); TENGAH HARI : 12.15 — Hiboran tengah hari; 12.45 —.Warta Berita; 1.00 — Pelajar di-bumi bertuah (SU); 1.30 — Hiboran menjelang rehat; 2.00 — Siaran berhenti rehat. PETANG : Bisekan sukma; 5.30 — Warta Berita; 5.45 — Tafsir Al-Quran (SU); 6.15 — Irama senja; 6.35 — Suara Azan untok Magrib dan bachaan ayat2 such Al-Quran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM : 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Mutiara Hikmat; 7.47 — Suara Azan untok Isha; 8.00 — Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Belia Zaman Ini; 9.00 — Asli Irama; 9.30 — Senandong Irama; 10.00 — Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong Malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### KHAMIS

PAGI : 6.05 — Bachaan Al-Quran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi, Waktu2 Sembahyang; 7.10 — Renongan bersama di-ikuti oleh hiboran sambil sarapan; 7.45 — Persembahan Anika Instrumental; 8.00 Dendang Antarabangsa; 9.00 — Mutiara Hikmat (SU); 9.30 — Hiboran Rampaian; 10.00 — Warta Berita; 10.10 — Dendang Ria; 10.30—Rampaian London; 11.00—Berdendang dengan ku; 11.30 — Autograph pendengar (SU). TENGAH HARI : 12.00 — Rampaian Pop; 12.15—Belia Zaman Ini (SU); 12.25—Suara Azan nutok Dzohor; 12.45 — Warta Berita; 1.00 — Dongeng Purba; 1.30 — Komintar Minggu Ini (SU); 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. PETANG : 5.02 — Lagu ku pinta; 5.30 —Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Rampaian di-senja; 6.30 — Suara Azan untok Magrib dan bachaan Al-Quran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM : 7.00 — Salam dari ku; 7.30 — Hidayat; 7.47 — Suara Azan untok Isha; 8.00 — Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Hiboran Rampaian; 9.00 — Sandiwara Radio (SU); 9.30—Persembahan Minggu Ini (SU); 10.00—Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10—Senanjong Malam; 10.23—Do'a Restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

### JUMAAT

PAGI : 6.05 — Bachaan Al-Quran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi, Waktu2 Sembahyang; 7.10 — Renongan bersama di-ikuti oleh Dendang Suria; 8.00 — Salam dari ku (SU); 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Permintaan dari Pancharagam; 9.30 — Tafsir Al-Quran; 10.00 — Warta Berita; 10.10 — Apa Pendapta Awda; 10.30 — Hidayat (SU); 11.00 — Taukan Awda? 11.30 — Hiboran Irama Gambus TENGAH HARI : 12.00— Kursus Al-Quran; 12.30 — Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat dari Masjid Omar Ali Saifuddin (siaran langsong). PETANG : 1.15 — Irama Padang Pasir; 1.30 — Warta Berita; 1.45 — Irama selingan; 2.02 — Taman Mekar; 2.30 — Bakat Minggu Ini (15); 3.00 — Warta Berita; 3.10 — Dalam simpanan kami (SU); 3.45 — Suara Azan untok Asar; 3.48 — Dari kampong ka-kampong; 4.15 — Peraduan berbalas pantun bagi sekolah2; 4.45 — Senandong irama; 4.58 — Susunan ranchangan di-bachakan lagi; 5.00 — Permintaan jiran Tetangga; 5.30 — Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Lagu2 padang pasir; 6.35 — Suara Azan untok Magrib dan bachaan ayta2 suchi Al-Quran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM : 7.00 — Cherpen dan Salokan; 7.30 — Hiboran rampaian; 7.47 — Suara Azan untok Isa; 8.00 — Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Persembahan Pancharagam; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Irama Malam; 10.00 — Rengkasan Berita, dikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong Malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### SABTU

PAGI : 6.05 — Bachaan Al-Quran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi, Waktu2 Sembahyang; 7.10 — Renongan bersama di-ikuti oleh hiboran sambil sarapan; 7.30 — Apa pendapat awda (SU); 7.45 — Persembahan Instrumental; 8.00 — Apa Pilehan Awda (SU); 8.30 — Dendang Antarabangsa; 9.00 — Persembahan Minggu Ini; 9.30 — Majalah Commonwealth; 10.00 — Warta Berita; 10.10 — Irama Pilehan; 10.30 — Permintaan Pagi Sabtu; 11.00 — Pentas radio '(SU); 11.30 — Ragam Irama; TENGAH HARI : 12.00 — Peristewa dunia minggu ini; 12.25 — Suara Azan untok Dzohor; 12.30 — Suntingan Asli; 12.45 — Warta Berita; 1.00 — Taukah Awda (SU); 1.30 — Hiboran menjelang rehat; 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. PETANG : 5.02 — Hiboran Pilehan; 5.30 — Warta Berita; 5.45 — Senanlong lagu2 lama; 6.15 — Lagu2 padang pasir; 6.33 — Suara Azan untok Magrib, di-ikuti oleh bachaan Al-Quran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM : 7.00 — Gurindam jiwa; 7.30 —Bakat Minggu Ini (SU); 7.45 — Suara Azan untok Isha; 8.00 — Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dongeng Purba (SU); 9.00 — Mari berpantun sambil bersenda (SU); 9.30 — Senandong Brunei asli; 10.00 — Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong Malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### AHAD

PAGI : 6.05 — Bachaan Al-Quran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi, Waktu2 Sembahyang; 7.10 — Renongan bersama di-ikuti oleh Dendang Suria; 7.30 — Autograph pendengar; 8.00 — Majallah Radio; 8.30 — Mari berpantun sambil bersenda; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30 — Taman Mekar; 10.00 — Warta Berita; 10.10 — Surat dari London; 10.30 — Arena wanita; 11.00 — Permintaan antarabangsa. TENGAH HARI : 12.00 — Sandiwara Radio; 12.25 — Suara Azan untok Dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Warta Berita; 1.00 — Persembahan Pancharagam; 1.30 — Review Berita Minggu Ini; 2.00 — Pentas Radio. PETANG : 2.30 — Cheramah Minggu Ini; 3.00 — Warta Berita; 3.15 — Dalam simpanan kami; 3.45 — Suara Azan untok Asar; 4.00 — Cherpen dan salokan-nya (SU); 4.30 — Lagu untok mu; 5.00 — Susunan ranchangan di-bachakan lagi; 5.03 — Sharahan Ugama; 5.15 — Anika Irama; 5.30 — Warta Berita; 5.45 — Irama Di-senja; 6.15 — Persembahan Instrumental; 6.35 — Suara Azan untok Magrib, di-ikuti oleh bachaan Al-Quran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM : 7.00 — Suara perajurit; 7.47 — Suara Azan untok Isha; 8.00 — Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Brunei Darussalam; 9.30 — Dari kampong ka-kampong; 10.00 — Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senanjong Malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran ditamatkan.

### ISNIN

PAGI : 6.05 — Bachaan Al-Quran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi, Waktu2 Sembahyang; 7.10 — Renongan bersama di-ikuti oleh hiboran sambil sarapan; 7.30 — Peristewa dunia minggu ini (SU); 8.00 — Dendang antarabangsa; 9.00 — Suara perajurit (SU); 10.00 — Warta Berita; 10.10 — Hiboran pilehan; 10.30 — Sains dan perusahaan; 11.00 — Hiboran rampaian; 11.30 — Gurindam Jiwa (SU). TENGAH HARI : 12.00 — Hiboran untok awda; 12.15 — Brunei Darussalam; 12.25 — Suara Azan untok Dzohor; 12.45 — Warta Berita; 1.00 — Keluarga Jaya; 1.30 — Hiboran menjelang rehat; 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. PETANG : 5.02 — Apa pilehan awda; 5.30 — Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 lama; 6.15 — Hiboran rampaian; 6.35 — Suara Azan untok Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Quran. MALAM : 7.00 — Arena sokan; 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU); 7.47 — Suara Azan untok Isha; 8.00 — Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Komintar minggu ini; 8.45 — Serbanika persembahan; 9.15 — Hidangan pop; 10.00 — Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senanjong Malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### SELASA

PAGI : 6.05 — Bachaan Al-Quran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi, Waktu2 Sembahyang; 7.10 — Renongan bersama di-ikuti oleh hiboran sambil sarpan; 7.30 — Sharahan Ugama (SU); 7.45 — Persembahan Instrumental; 8.00 — Arena Wanita (SU); 8.30 — Dendang Antarabangsa; 9.00 — Rampaian London (SU); 9.15 — Hiboran pilehan; 10.00 — Warta Berita; 10.10 — Irama pilehan; 10.30 — Serbanika persembahan (SU); 11.00 — Pusparagam; 11.30 — Majallah Radio (SU). TENGAH HARI : 12.00 — Rampaian tengah hari; 12.15—Cheramah minggu ini (SU); 12.23 — Suara Azan untok Dzohor; 12.45 — Warta Berita; 1.00 — Pelajaran dewasa di-udara (SU); 1.30 — Hiboran menjelang rehat; 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. PETANG : 5.02 — Arena sokan (SU); 5.30 — Warta Berita; 5.45 — Hiboran ramapaian; 6.15—Lagu2 Instrumental; 6.35 — Suara Azan untok Magrib dan bachaan Al-Quran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM : 7.00 — Review berita minggu ini (SU); 7.30 — Untok kaum tani; 7.47 — Suara Azan untok Isha; 8.00 — Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Pelajar di-bumi bertuah; 9.00 — Permintaan pasokan Pulis Diraja; 9.30 — Bisekan sukma (SU); 10.00 — Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong Malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

## BAHAGIAN INGGERIS

### WEDNESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON : 12. — Hits In Germany (Repeat). PM : 12.30—News; 12.45—Interlude; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Music. 8.30 — Midweek Greetings by Nafisah Haji Ali; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Jazz Club—hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

### THURSDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon—we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON : 12.00 — My Music (repeat). PM : 12.30—News; 12.45—Interlude; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement—The Young Sound with Tajul Ahmad; 8.30 — My Word; 9.00 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 —Music For Easy Listening from Nafisah Haji Ali; 10.30 — Close Down.

### FRIDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement —Sports Magazine; 11.15 — Tajul Ahmad Calling On You. PM : 12.15 — International Money Programme; 12.30 — News; 12.45—Our Brunei (Repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Theatre Forty-Five : "Saturday Roster" by R. D. Wingfield; 8.54 — Listener's Digest produced by Vivien Cheong; 9.15 — News; 9.30 — BBC World Report; 9.45 — Just A Minute; 10.15 — A Date With ........... 10.30 — Close Down.

### SATURDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News; (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Theatre Forty-Five : "Saturday Roster" by R. D. Wingfield (repeat); 11.45 — Women's World by Evelyn Samuel; 12.15—Light Music From The Netherlands; 12.30 — News; 12.45 — Economic Report; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety From Vivien Cheong; 9.00 — Your World; 9.15—News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 Close Down.

### SUNDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Repeat); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour (VS); 11.30 — Top of the Pops (repeat). NOON : 12.00—Just A Minute (Repeat); 12.30 — News; 12.45 — World of Education; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Many A Slip; 8.30 — Be My Guest introduced by Charan Chand; 9.00 — Perspective; 9.15 —News; 9.30—Concert Hour; 10.30—Close Down.

### MONDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement Music-Go-Round . . . an uninterrupted programme and songs for your listening pleasure. NOON : 12.00 — My Word (Repeat); 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00—Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 8.45—Men From The Ministry; 9.15—News; 9.30 — David Copperfield; 10.00 — How The West Sung; 10.30 — Close Down.

### TUESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives Special. NOON : 12.00—Be My Guest (Repeat). PM : 12.30 — News; 12.45 — Higher and Faster; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement — Pop Special : "Queen" — Side 1; 8.30 — Its All Yours by Veronica Shim; 9.00 — The Glums; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Melody Times 10.30 — Close Down.

# A VERY WARM WELCOME — Mission leader

A trade mission from Singapore comprising 36 members of the Singapore Manufacturers Association made a three-day goodwill visit to Brunei last week.

The mission, the largest ever from the republic to visit the State and aimed at bringing closer ties between the two trading countries, was led by the chairman of the association Mr Ong Leng Chuan.

Mr. Ong said Brunei had plenty of raw materials which were still unexplored and Singapore was ready to provide her with the industrial expertise. Joint ventures could be set up in the fields of basic foodstuff and canned food production, electronics and shipping.

He described the welcome given them by the Government and business sector as very warm and said more visits were to follow.

He also invited members of the business community in the State to make a similar visit to Singapore.

On the second day of their visit members of the mission were brifed by the Director of Economic Planning Unit Awang Selamat bin Munap on the Five-Year National Development Plan.

Awang Selamat told them that the benefits derived from the development plan depended on the cooperation of members of the business communities in Brunei and Singapore.

He said Brunei and Singapore businessmen should cooperate in ensuring that the prices of goods be kept as low as possible for the consumers.

Earlier some members of the mission headed by Mr Ong paid a courtesy call on the State Secretary the Hon'ble Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz Umar.

On the morning before their return to Singapore members of the mission were taken on a conducted tour of the Seria oilfields.



**Awang Selamat Munap (second from left) together with other senior government officials briefing the Singapore and Brunei businessmen pictured below.**



## ANOTHER KILLED

Another person had died on Brunei roads bringing the total to four the number of people killed so far this year.

He was Pengiran Ahmad bin Pengiran Rajid who died at the General Hospital in Bandar Seri Begawan from injuries he received when the car he was travelling in overturned at Mile Fifteen Jalan Tutong, following a tyre burst.

Three other people were injured and one in critical condition. Altogether five people including a child were in the car, which was on its way to Bandar Seri Begawan, when the accident occurred.

# RANCHANGAN MINGGU INI

TV BRUNEI reserves the right to alter programmes as necessary. Finalised telecast details will appear in our daily programme summaries.

### WEDNESDAY 9 FEBRUARY

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Lost in Space — "The Junkyard of Space"
6.37 pm Azan
6.41 pm Lost in Space — cont'd.
7.00 pm English News
7.10 pm The Sweeney "Thou Shalt Not Kill"
8.00 pm Hogan's Heroes — Baddle of Adalag 13
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Dunia Minggu Ini
9.15 pm Kung Fu — "Danny Caine: Fight to Orion"
10.05 pm Show of the Week: "Star Parade"
11.00 pm Close Down.

### THURSDAY 10 FEBRUARY

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Voyage to the Bottom of the Sea — "Secret of the Deep"
6.37 pm Azan
6.41 pm Voyage to the Bottom of the Sea — cont'd.
7.00 pm English News
7.10 pm The Magician
8.00 pm Pot Black
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Hidayat
9.15 pm Tinjauan
9.25 pm The Protectors — "Shadbolt"
9.55 pm Khan — "Cloud of Guilt"
10.55 pm Close Down.

### FRIDAY 11 FEBRUARY

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Murai
6.38 pm Azan
6.42 pm Milton The Monster —"Dunkin' Treasure"
7.00 pm English News
7.10 pm The Rolf Harris Show
8.00 pm The Odd Couple — "Felix is Missing"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Mutika
9.20 pm America—Ep. 1. "The First Impact"
10.15 pm Mystery Movie: Banacek "Let's Hear It For A Living Legend"
11.45 pm Close Down.

### SATURDAY 12 FEBRUARY

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Sesame Street
6.38 pm Azan
6.42 pm Sesame Street—cont'd
7.00 pm English News
7.10 pm Cannon — "The Melted Man"
8.00 pm Are You Being Served "Dear Sexy Knickers"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Suami Isteri
9.30 pm Star Soccer
10.20 pm Saturday Movie: "Invasion"
11.50 pm Close Down.

### SUNDAY 13 FEBRUARY

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm BATEFL "Song and Ryhmes"
6.28 pm Dr. Who: "The Monster of Peladon" Ep. 2
6.38 pm Azan
6.42 pm Dr Who — cont'd.
7.00 pm English News
7.10 pm Six Million Dollar Man
8.00 pm Wilderness Ep. 1 "Himalaya"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Temasha Irama No. 12 Repeat programme.
9.15 pm Space 1999 "The Rules of Suton"
10.05 pm Armchair Theatre— "Brown Skin Gal Stay Home and Mind Bay-Bee".
11.00 pm Close Down.

### MONDAY 14 FEBRUARY

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Land of the Giant "The Trap"
6.38 pm Azan
6.42 pm Land of the Giants cont'd
7.00 pm English News
7.10 pm Emergency "The Inspection"
8.00 pm I Dream of Jeannie Everybody's A Movie Star
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Serikandi
9.15 pm Hawaii Five O — "Thanks for the Honeymoon"
10.05 pm Thriller — "Murder in Mind"
11.20 pm Close Down.

### TUESDAY 15 FEBRUARY

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Sesame Street
6.38 pm Azan
6.42 pm Sesame Street—cont'd
7.00 pm English News
7.10 pm Mission Impossible— "The Hit"
8.00 pm The Monkees — "Some Like It Lukewarm"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Selayang Pandang
9.15 pm Kojak "House of Prayer, a Den of Thieves"
10.05 pm Baa Baa Blacksheep "The Cat's Whiskers"
11.00 pm Close Down.



**Stewart Granger (right) and Raf Wallone in a scene from the Saturday Movie, The Invasion at 10.20 pm.**

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Di-Dewan Bahasa dan Pustaka

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

